

Tindakan perusahaan rugikan **semua** — PM

UM 30 JUL 2000

KUALA LUMPUR 29 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sesebuah kuasa utama dunia yang kaya raya boleh menjadi negara kelas dua dan dipandang rendah jika tindakan perusahaan dibuat secara tidak bertanggungjawab.

Menurut Perdana Menteri, jika tindakan serupa itu dilakukan di negara yang masih membangun pula, sudah tentu negara berkenaan tidak akan maju bahkan akan hancur.

Beliau bagaimanapun bersyukur kerana golongan pekerja di negara ini tidak mudah dipengaruhi cara-cara pihak asing yang gemar menyelesaikan masalah mereka melalui mogok.

Menurutnya, jika pekerja mengadakan tindakan perusanaan dan membuat tuntutan yang bukan-bukan, pasti hasil pemuliharaan ekonomi negara yang diraih kini tidak tercapai.

"Tabiat orang asing suka

menguji kekuatan melalui perorang, terdapat juga dalam cara-cara mereka menyelesaikan masalah lain termasuk masalah sosial. Ini dikatakan oleh mereka sebagai hak asasi manusia.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Hari Perhimpunan Perpaduan Sempena Hari Pekerja 2000 di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini hari ini.

Dr. Mahathir menarik perhatian mengenai sejarah dan pengalaman sebuah negara maju yang sekarang tidak begitu maju lagi akibat tindakan perusahaan berterusan oleh kaum pekerja.

Beliau bagaimanapun tidak menyebut nama negara berkenaan.

Menurutnya, negara berkenaan biasa mengeksport kereta-kereta yang terkenal ke seluruh dunia termasuk ke negara ini.

"Mereka pernah mengeluarkan

kan radio dan televisyen dan peralatan elektrik yang kita dahulu import dan gunadengan banyaknya kerana jenama-jenamanya yang terkenal.

"Tetapi hari ini, tidak ada satu pun kereta dari negara tersebut melainkan yang dikeluarkan oleh negara lain," katanya.

Merosot

Merosotnya negara itu, kata Perdana Menteri ialah kerana selama bertahun-tahun, ia menghadapi tindakan perusahaan yang tidak putus-putus.

"Pekerja mereka menuntut kenaikan gaji yang tidak mampu dibayar oleh majikan mereka. Pekerja akan mengadakan mogok sehingga melibatkan syarikat lain yang tidak ada kena mengena.

"Kadang-kadang diadakan mogok seluruh negara, diadakan piket dan tindakan ganas

untuk menentukan tidak ada pekerja yang terus bekerja," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun beliau mengingatkan bahaya tindakan perusahaan ini, kerajaan tidak pula bermaksud pekerja tidak patut mendapat kenaikan upah.

Upah, kata beliau, perlu meningkat tetapi tidaklah melalui tindakan perusahaan.

"Upah perlu naik ni melalui peningkatan daya pengeluaran atau produktiviti. Jika produktiviti meningkat, kenaikan upah tidak akan menjadikan barangan yang dihasilkan kurang kompetitif.

"Dengan itu, perniagaanterus laris, peniaga mendapat keuntungan seperti biasa atau lebih untuk melabur lagi. Upah boleh dinaikkan dan peluang pekerjaan boleh meningkat," katanya.